

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 MARCH 2017

Anggap hubungan diplomatik dengan Korea Utara masih terjalin

# Cari jalan penyelesaian

UM - 9/3/2017

Oleh AZRUL HAKIMIE ANUER  
pengarang@utusan.com.my

## ■ KUALA LUMPUR 8 MAC

**H**UBUNGAN diplomatik di antara Malaysia dan Korea Utara masih terjalin walaupun tegang sejak kebelakangan ini ekoran kes pembunuhan abang kepada pemimpin tertinggi negara itu, Kim Jong-nam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia tidak akan memutuskan hubungan diplomatik yang sudah terjalin sejak 40 tahun lalu kerana itu merupakan saluran kepada kerajaan untuk berhubung terus dengan Pyongyang bagi berbincang tentang keselamatan 11 rakyat negara ini yang dihalang keluar dari Korea Utara.

Beliau walau bagaimanapun tidak mendedahkan perancangan dan tindakan susulan yang akan diambil oleh kerajaan bagi membebaskan kesemua rakyat Malaysia itu.

“Kita ada cara tetapi saya tidak mahu sebut apakah caranya. Apa yang menjadi keutamaan saya ketika ini adalah keselamatan rakyat Malaysia.

“Ini perkara sensitif, jadi kalau diadakan perbincangan tidak boleh dilakukan melalui media. Jadi saya tidak boleh dan tak patut dedahkan (tindakan yang akan diambil).

“Kadang-kadang adalah lebih baik usaha dijalankan secara rahsia dan kita akan capai apa yang di-hajati,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Perdana Menteri memberitahu, keadaan keselamatan rakyat Malaysia yang kini berada di Korea Utara tidak membimbangkan kerana mereka dibenarkan menjalani kehidupan seperti biasa, tidak dikurung dan boleh keluar serta melakukan urusan harian.



NAJIB TUN RAZAK mengaminkan bacaan doa sewaktu berlangsungnya sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HALIM KHALID

“Jadi, tidak ada kebimbangan atas keselamatan mereka. Kesemua 11 rakyat Malaysia yang dijadikan sebagai tebusan di Korea Utara dibenarkan untuk menjalani aktiviti harian seperti biasa dan mereka sama sekali tidak dikurung,” katanya.

Najib menjelaskan, kerajaan tidak berhasrat untuk menutup Kedutaan Korea Utara di Malaysia, namun beliau tidak menggalakkan rakyat Malaysia untuk pergi Korea Utara dan nasihat perjalanan ke negara tersebut akan dikeluarkan.

“Kita kekalkan dengan keputusan untuk tidak membenarkan rakyat Korea Utara keluar dari negara ini dan kita juga minta polis

jalankan siasatan terhadap punca dan sebab pembunuhan Jong-nam.

“Di samping itu kita tunggu pengesahan identitinya sebab analisis DNA (asid deoksiribonukleik) belum lagi selesai. Jadi, banyak lagi proses sebab kita nak dapatkan DNA susah, tak ada orang yang nak tampil ke hadapan, barangkali dia takut nak tampil,” katanya.

Setakat ini terdapat 11 rakyat Malaysia yang berada di Korea Utara terdiri daripada tiga pegawai dan kakitangan Kedutaan Malaysia serta enam anggota keluarga mereka manakala dua lagi ialah peserta Program Makanan Sedunia (WFP) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).



**Ini perkara sensitif, jadi kalau diadakan perbincangan tidak boleh dilakukan melalui media. Jadi saya tidak boleh dan tak patut dedahkan (tindakan yang akan diambil).”**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri